

JABATAN PELAJARAN MELAKA  
JALAN ISTANA,  
PETI SURAT No. 62,  
75902 MELAKA

Pengarah : 06-2323782  
Timbalan : 06-2323781  
Pejabat Am : 06-2323777  
06-2323778  
06-2323779  
Peperiksaan : 06-2323780  
Fax : 06-2320500

Ruj. Kami: JPM.SKPP.KEW.100-6/5/2 (22)  
Tarikh : 2 Februari 2010

Semua Pengetua dan Guru Besar  
Sekolah Menengah dan Rendah Harian  
Negeri Melaka

**KEPERLUAN MENGELUARKAN PESANAN SEKOLAH SEBELUM PEROLEHAN KERAJAAN  
DILAKSANAKAN DAN KEBENARAN MENGELUARKAN CEK ATAS NAMA JAWATAN GURU  
BESAR/ PENGETUA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Berdasarkan buku tatacara pengurusan kewangan dan perakaunan sekolah yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran, setiap Pengurus Sekolah hendaklah memastikan Pesanan Sekolah dikeluarkan terlebih dahulu sebelum perolehan dilaksanakan kecuali bagi perolehan yang dituntut melalui Panjar Wang Runcit. Selain itu, pengeluaran cek atas jawatan Guru Besar atau Pengetua adalah dibenarkan untuk rekupmen Panjar Wang Runcit.

3. Walau bagaimanapun, Jabatan ini telah menerima teguran dari Audit Sekolah berhubung tindakan pihak sekolah mengeluarkan cek atas jawatan Guru Besar/Pengetua atau nama kakitangan untuk membiayai kos sesuatu program dengan disokong kertas kerja. Pihak audit berpendapat pihak sekolah seharusnya mengeluarkan Pesanan Sekolah kepada pihak pembekal untuk membuat perolehan tersebut dan bukannya mengeluarkan cek atas jawatan Guru Besar/Pengetua atau nama kakitangan dengan tujuan mendapatkan wang tunai.

4. Sehubungan dengan itu, satu perbincangan antara Jabatan ini dengan Pejabat Audit Sekolah Negeri Melaka telah diadakan dan telah memutuskan perkara berikut untuk dipatuhi oleh pihak sekolah:


"Pihak sekolah adalah dilarang untuk mengeluarkan cek atas jawatan Guru Besar atau Pengetua atau nama kakitangan sekolah bagi membiayai kos sesuatu program dengan tujuan mendapatkan wang tunai bersandarkan kepada kertas kerja. Pesanan Sekolah (DKS 005) hendaklah dikeluarkan untuk tujuan ini. Cek atas jawatan Guru Besar atau Pengetua hanya dibenarkan untuk tujuan rekupmen Panjar Wang Runcit dan lain – lain keperluan wang tunai yang akan diagih – agihkan kepada pelajar seperti wang saku pelajar ke luar negeri, KWAMP dan seumpamanya"

5. Surat ini berkuatkuasa pada tarikh surat ditandatangani.

Sekian. Terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"Cepat, Tepat, Hebat"**

Saya yang menurut perintah,

  
(HAJI ISA BIN HAJI ABU)  
Pengarah Pelajaran Melaka

✓ En. Reduan ✓  
✓ Hj. Mr. Anwarin

  
9/2/10

"Edaran sekolah"




JABATAN PELAJARAN MELAKA  
 JALAN ISTANA,  
 PETI SURAT No. 62,  
 75450 MELAKA

Pengarah : 06-2323782  
 Timbalan : 06-2323781  
 Pejabat Am : 06-2323777  
 06-2323778  
 06-2323779  
 Peperiksaan : 06-2323780  
 Fax : 06-2320500

Ruj. Kami : JPM.SKPP.KEW.100-6/5/2(21)  
 Tarikh : 26 Januari 2010

Semua Pejabat Pelajaran Daerah  
 Semua Pengetua/Guru Besar Sekolah PTJ  
 Negeri Melaka.

Tuan,



**GAJI GURU SANDARAN TIDAK TERLATIH (GSTT).**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat jabatan ini bil. JPM.SKPP.KEW.100-6/5/2(11) bertarikh 14 Julai 2009 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa, Jabatan ini telah menerima teguran dari Jabatan Akauntan Negara (Negeri Melaka) kerana masih terdapat bayaran gaji kepada Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) dibuat melalui baucer berasingan dan terdapat juga GSTT yang dibayar gaji walaupun guru tersebut telah berhenti atau telah tamat tarikh lantikan.

3. Sehubungan dengan itu, pihak tuan diingatkan supaya memastikan bayaran gaji GSTT dibayar melalui EFT dan dihentikan serta merta apabila GSTT berhenti atau tamat tarikh lantikan. Tuan juga dinasihatkan supaya menyemak dan mematuhi semua pekeliling, arahan dan garis panduan yang melibatkan GSTT yang dikeluarkan dari masa ke semasa. Kegagalan pihak tuan dalam menguruskan gaji GSTT seperti yang digariskan boleh dikenakan tindakan Surcaj.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
 ‘CEPAT, TEPAT, HEBAT’**

Saya yang menurut perintah,

*Isa Bin Haji Abu*  
 (HAJI ISA BIN HAJI ABU)  
 Pengarah Pelajaran Melaka

s.k. 1. Pengarah  
 Jabatan Akauntan Negara  
 Negeri Melaka

2. Fail Penyelaras

Untuk Tindakan/Makluman/Perhatian	
PPD	
KUP Sekolah	
KUP Akso. mik	
KUP Kemajuan	
KUP Islam/Moral	
KUPem. Bekalan	
KUMaklumat/ICT	
Peg. Kaunseling	
KU Kewangan	<input checked="" type="checkbox"/>
KUPark./Tadbiran	

*En. Reduan*  
*9/2/10*